



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 23 & 24
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915564
Fax : 03-88913190
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my/jpspn_2013
E-mail : jpspn@kpkt.gov.my
Twitter : jpspn_kpkt
Facebook : Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal Negara

Ruk. Kami : KPKT/JPSPN/900/1/8/6(38)
Tarikh : 27 Februari 2015

SIARAN MEDIA

KEPUTUSAN KERAJAAN BERKAITAN PENGIMPORAN SISA BINAAN DAN SISA PLASTIK

PUTRAJAYA, 27 FEBRUARI 2015- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) selaku agensi yang bertanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal ingin memaklumkan buat masa ini Jabatan **tidak akan mengeluarkan sebarang kebenaran bagi pengimportan sisa binaan** kepada mana-mana **syarikat berkuatkuasa serta merta**.

Keputusan ini dibuat selaras dengan komitmen sepertimana yang ditetapkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan untuk menjaga kelestarian serta menjamin alam sekitar yang bersih dan sihat. Justifikasi keputusan untuk tidak membenarkan pengimportan sisa binaan ini seperti berikut:

- a) pada masa ini didapati pengimportan sisa pembinaan tidak memberi nilai tambah kepada ekonomi negara selain daripada berisiko untuk dilupuskan sebagai sisa pelupusan haram. Kebelakangan ini terdapat banyak aduan berkaitan pelupusan sisa pepejal haram dan siasatan yang dijalankan mendapati antaranya adalah longgokan sisa pembinaan yang turut bercampur dengan pelbagai sisa lain seperti sisa isi rumah, najis haiwan, *e-waste* dan kemungkinan besar turut mengandungi sisa toksid dan berbahaya (*toxic and hazardous*) . Kos yang tinggi diperlukan untuk kerja-kerja pembersihan dan pemulihan sekiranya tanah-tanah telah tercemar dengan sisa berbahaya ataupun mikrob
- b) bagi menggalakkan industri kitar semula sisa pembinaan domestik. Penggunaan bahan-bahan sisa pembinaan tempatan boleh membantu meningkatkan industri kitar semula dalam negara

Selain itu, mulai 2 Februari 2015, JPSPN telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan **Kelulusan Permit (AP) bagi pengimportan sisa plastik**. Bagi tujuan tersebut, JPSPN akan memastikan **hanya sisa plastik bersih sahaja yang dibenarkan diimport**. Selain itu, kilang yang memproses sisa plastik tersebut diwajibkan mendapat kelulusan bertulis mengenai pematuhan syarat-syarat operasi/efluen daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum permohonan AP dipertimbangkan. Jabatan akan menyenarai hitamkan syarikat pengimport sekiranya didapati mengimport sisa plastik yang kotor ke negara ini.

Sehubungan dengan keputusan Kerajaan berkaitan pengimportan sisa pepejal ini, semua syarikat diminta untuk mengambil maklum akan pengumuman ini. Kerajaan dari masa ke semasa akan terus mengkaji prosedur-prosedur berkaitan pengimportan sisa pepejal bagi mengelakkan negara dijadikan sebagai tempat pembuangan pelbagai sisa pepejal dari luar negara. Layari www.kpkt.gov.my/jpspn_2013 untuk maklumat lanjut dan terkini berkaitan perkara ini.

**Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) memainkan peranan dalam menyediakan dasar, perancangan strategik bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. JPSPN bertanggungjawab menetapkan standard, spesifikasi dan tata amalan berkaitan serta memberikan lesen dan kelulusan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mai : pro@kpkt.gov.my